

**MEMOIR RADIN UMAR RADIN SOHADI: AKU DAN AMANAH-MU** Oleh Memoir Radin Umar Radin Sohadi, 2014. Penerbit Universiti Putera Malaysia, Seri Kembangan. Hlmn 308. ISBN 978-967-344-387-1

*Memoir Radin Umar Radin Sohadi: Aku dan Amanah-MU* merupakan buku yang sesuai dibaca oleh masyarakat umum kerana sarat dengan pengetahuan, pengalaman dan bicara kehidupan daripada seseorang individu yang berwibawa untuk dikongsi dengan pembacanya. Ciri inilah yang merujuk kepada buku memoir yang mengisahkan kehidupan seseorang dan ditulis oleh orang lain untuk diterbitkan menjadi buku untuk dibaca oleh masyarakat.

Buku istimewa kisah hayat Mantan Naib Canselor UPM sebelum menghembuskan nafas terakhir, iaitu tentang zaman muda, kehidupan di Maktab Tentera Diraja membentuk keperibadiannya, kehidupan ketika di perantauan, serta perjalanan karier beliau sebagai ahli akademik yang bermula di UPM serta semasa dipinjamkan ke MIROS dan Jabatan Pengajian Tinggi.

Rasional pemilihan buku ini dipilih kerana mengisahkan kehidupan Profesor Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi yang pernah menjadi Naib Canselor Universiti Putra Malaysia dan menyumbang bakti terhadap perkembangan keselamatan jalan raya serta mempunyai kepimpinan dalam dunia pendidikan tinggi negara, yang akhirnya terpaksa bersara daripada dunia pekerjaan setelah menderita penyakit kanser, sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir, buku ini tetap diteruskan pembikinannya sehingga selesai disiapkan oleh editornya dan kumpulan penerbitan di Universiti Putra Malaysia.

Menerusi buku ini turut dimuatkan pelbagai nasihat serta panduan berkenaan budaya kerja, cara hidup serta motivasi oleh beliau sepanjang karier beliau serta ketika melawan kanser yang dihadapinya. Setiap bab di dalam buku ini telah disemak oleh beliau sendiri cuma dalam tiga bab terakhir disemak orang individu yang rapat dengannya kerana ketika itu tahap kesihatannya telah terlalu kritikal.

Cabaran pertama untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat daripada arwah sebelum beliau meninggal dunia. Pada waktu itu, doktor hanya memberi masa 3 minggu kepada saya, untuk berjumpa dengan Profesor Dr. Raden Umar yang sedang kritikal” ujar Profesor Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K Rahmat.

Penghasilan buku yang sungguh istimewa ini bermula dengan usaha dilakukan oleh Profesor Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K Rahmat, Pensyarah Kejuruteraan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang diminta sendiri oleh Profesor Dr. Radin Umar untuk menuliskan buku tentang dirinya dan menjadi editor kepada buku kisah hidupnya.

Menurutnya lagi, beliau sempat menemu duga Profesor Dr. Raden Umar sehingga enam (6) kali dan sempat mendapatkan rakaman cerita beliau yang dibuat oleh anaknya. Jika tidak

silap, sebanyak 34 fail dalam format mp3 dihantar oleh anaknya. Malah, beliau juga menghadapi masalah untuk memahami cerita kerana suaranya kurang jelas terutamanya dalam fail-fail yang akhir. Ceritanya pun kadang terputus-putus dan kadang-kadang terbalik-balik. Keadaan ini menyebabkan beliau perlu mencari fakta-fakta yang hilang atau kurang jelas dan perlu mempelajari perkara-perkara yang saya kurang tahu. Malah, sikap untuk memahami sepenuhnya penulisan ini, editor ini sanggup ikhlas dan relakan dirinya mempelajari kanser dan menyelami perasaan pesakit kanser.

Diamati dengan teliti, buku ini ditulis dengan nada arwah bercakap dan bercerita dengan adanya ayat-ayat bermula dengan ‘ku’. Hal ini menunjukkan bahawa beliau perlu menyelami perasaan arwah apabila dalam proses menulis dan unsur-unsur emosi arwah dapat diterapkan dalam buku ini. Buku ini seperti mempunyai magis kerana ayat-ayat dalam buku ini dapat dirasakan oleh pembaca seolah-olah arwah sendiri yang bercerita kepada pembaca.

“Perasaan ini sehingga kini, masih dapat saya rasakan dalam diri ini”. Inilah luahan hati Profesor Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah yang turut mendapat kerjasama daripada Rosdi Wah, Nazri Yasin, Kamariah Mohd Saidin dan Norazlin Aminuddin (pegawai penyelaras penerbitan), Profesor Dr. Farhan (Ketua Pengarah MIROS) dan Profesor Zaridah (Pengarah Bahagian di Jabatan Pengajian Tinggi dan doktor pakar), untuk menghasilkan buku ini.

Empati dan rasa mendalamnya terhadap penulisan buku ini tetap menebal dalam dirinya sehingga hari ini. Sekiranya, berlaku dan mendapat berita kemalangan yang melibatkan bas atau lori, ia terus menusuk ke kalbunya. Demikian juga, adanya rasa *accountability* kepada kualiti graduan. Jika graduan yang keluar tidak mendapat pekerjaan atau tidak mendapat gaji yang setimpal, tersemat rasa bersalah Profesor Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah dengan situasi ini.

Sesungguhnya, semua kerja mendapatkan, menyusun dan menulis semula fakta serta idea ini sangat mencabar dan menuntut kecekapan editor untuk mengarangnya dan segala proses kerja ini menepati panduan menerbitkan buku ilmiah seperti yang dijelaskan dalam *Gaya Dewan* (2005).

Ternyata, pengalaman hidup yang penuh dengan cabaran dan pengorbanan dibukukan menjadi bacaan umum, dengan harapan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Penerbitan buku ini jelas merujuk kepada buku memoir yang mengisahkan kehidupan seseorang dalam tempoh masa tertentu dan ditulis oleh individu lain dan diperlukan dalam pasaran kerana sarat dengan kandungan ilmu untuk hidup sebagai manusia berjaya dan masyarakat dapat memanfaatkan buku seperti ini untuk panduan sepanjang hayat.

Buku yang unik ini turut mendapat sentuhan yang terbaik daripada Profesor Madya Dr Che Ibrahim Salleh, individu yang bertanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja penyuntingan bahasa buku ini setelah dilantik oleh Penerbit UPM.

Secara peribadinya, Dr Che Ibrahim sangat teruja dan seronok apabila dipilih oleh Penerbit UPM sebagai Penyunting bahasa, dan terlibat dalam proses penerbitan buku yang mempunyai

makna besar dan nilai nostalgik dalam kerjanya dengan Profesor Dr. Raden Umar Raden Sohadi. Buku ini menjadi bukti dan ‘pengukuh kenangan’ beliau yang kerap bermesyuarat dan berbincang hal-hal fakulti sepanjang menjadi Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) dan, Profesor Dr. Raden menjadi Timbalan Naib Canselor Akademik UPM pada waktu itu.

“Olahan isi buku ini baik, terserah peribadinya yang ikhlas dan normal dalam teks ini dan saya perlu membaca, membacanya sebelum menyunting aspek bahasanya. Selepas itu, saya membuat penetapan hanya melakukan penyuntingan paling minimum, kerana tidak mahu mengubah karya asal penulisnya”, kata Profesor Madya Dr. Che Ibrahim Salleh, Pensyarah Tatabahasa Melayu dan Bahasa Melayu Tinggi di FBMK, sehingga hari ini.

Didapati, aspek bahasanya mudah, ditulis dalam bahasa Melayu dan mampu mengungkapkan kisah kehidupan Profesor Dr. Raden dari zaman kanak-kanak hingga bertarung dengan kanser sebelum menemui Maha Pencipta. Dalam menangani kerja-kerja penyuntingan buku ini, ejaan, tatabahasa yang betul-betul didapati menyalahi aspek tatabahasa dibetulkan, supaya tidak salah dan tidak menyukarkan fahaman pembaca. Malah, kandungan buku jenis memoir seperti ini sangat mementingkan kandungan atau fakta yang asli, penulisan yang mempunyai gaya dan laras yang sesuai untuk ‘menceritakan semula’ kepada masyarakat.

Inti pati daripada aspek penyuntingan bahasa terhadap buku ini, kerja penyuntingan bahasa untuk buku memoir hendaklah dilakukan dengan berhati-hati dan tidak boleh terburu-buru kerana perlu dibaca beberapa kali sebelum membuat penetapan tahap penyuntingan yang hendak dilakukan oleh Penyunting. Hal ini penting, buku tentang riwayat hidup seseorang yang ditulis dengan jalan cerita sebagai manusia yang normal, membentuk laras penulisan dan diadun dengan gaya penulisannya yang unik hendaklah diketahui oleh seseorang Penyunting, supaya keaslian fakta buku seperti ini tidak ‘dihilangkan’ oleh Penyunting. Tanggungjawab dan kecekapan kerja sebagai Penyunting hanya memastikan aspek bahasa dan tatabahasanya standard, boleh dibaca dan mudah menyampaikan cerita, bukannya sesuka hati untuk menyunting mengikut kepandaian Penyunting yang terlibat. Pendek kata, menjadi Penyunting terhadap buku autobiografi bukanlah tugas mudah dan memerlukan pengetahuan yang luas tentang tatabahasa serta berpengalaman dalam kerja-kerja menyunting bahasa. Bersesuaian dengan buku ini yang mengisahkan kehidupan tokoh dan individu yang berwibawa dan sukar dicari pengganti.

Hakikatnya, segala kerja yang berkaitan dengan penyuntingan bahasa ini menepati dalam *Gaya Dewan* (2005) yang menghuraikan bahawa ciri-ciri buku ilmiah dan umum yang baik, hendaklah melalui proses penyuntingan bahasa daripada aspek bahasa, ayat dan kata. Penghasilan dan penerbitan buku autobiografi yang bertajuk *Memoir Radin Umar Radin Sohadi: Aku dan Amanah-MU* ini sarat dengan nilai pemikiran dan falsafah hidup untuk diteladani oleh pembaca dan masyarakat luar, daripada idea, keringat, perjuangan dan pengalaman hidup penulisnya, sebelum meninggal dunia. Tujuan dan objektif untuk menerbitkan buku seperti ini, hendaklah jelas dan bukannya untuk mendapat populariti daripada masyarakat. Kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada editor, penyunting dan

staf penerbitan dalam organisasi penerbitan diperlukan untuk memastikan buku ini dapat diterbitkan dengan lancar.

**Sharil Nizam Sha'ri.**

**Muhamad Khusyairi Mohd Daud**

**Rohaidah Kamaruddin,**

Universiti Putra Malaysia

**Zuraini Seruji**

Universiti Malaysia Sarawak